

Bumiputera kuasai 36% nilai saham syarikat tersenarai

KUALA LUMPUR 7 Nov. - Sebanyak RM78.4 bilion nilai saham dalam syarikat tersenarai dimiliki oleh bumiputera tahun lalu.

Jumlah itu mewakili 36.64 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai pegangan saham dalam syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia iaitu sebanyak RM214 bilion, memabitkan papan utama dan kedua.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Awang Adek Husin berkata, angka itu lebih rendah berbanding nilai pegangan saham bukan bumiputera yang mencatatkan RM100.4 bilion iaitu 46.91 peratus.

Selebihnya, ia dimiliki oleh warga asing iaitu sebanyak RM35.2 bilion.

"Jumlah nilai pegangan ini di lihat berdasarkan 912 buah syarikat milik bumiputera yang tersenarai di bursa saham.

"Daripada jumlah itu, syarikat yang memi-

Angka itu lebih rendah berbanding nilai pegangan saham bukan bumiputera yang mencatatkan RM100.4 bilion iaitu 46.91 peratus

**AWANG ADEK
HUSIN
Timbalan Menteri
Kewangan**

liki pegangan saham bumiputera kurang daripada 30 peratus ialah sebanyak 539 buah.

"Dalam pada itu, syarikat yang mempunyai pegangan saham bumiputera 30 hingga 50 peratus ialah sebanyak 187 buah, manakala syarikat yang nilai, saham melebihi pegangan saham bumiputera melebihi 50 peratus mencatatkan 186 buah iaitu 20.4 peratus," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan **Tengku Razaleigh Hamzah (BN-Gua Musang)** mengenai jumlah syarikat yang dikawal oleh orang Melayu berbanding dengan

kaum lain serta nilai pegangan saham yang disenaraikan di Bursa Malaysia pada Persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini.

Dalam perkembangan lain, Awang Adek berkata, sehingga Disember tahun lalu, sebanyak 172.568 daripada 717,935 buah syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dimiliki oleh orang Melayu.

Angka itu mewakili 24 peratus daripada jumlah keseluruhan itu yang mana ia berasaskan kepada pemilikan 50 peratus orang Melayu.